

07 APR 2003

ISU PELANTIKAN TPM BOLEH JEJAS TUMPUAN PARTI - KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kenyataan mana-mana bahagian Umno sekarang mengenai sokongan terhadap calon Timbalan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri boleh menjejaskan tumpuan parti itu menghadapi pilihan raya akan datang.

Najib, yang juga Menteri Pertahanan, berkata kenyataan sebegitu boleh menjejaskan tumpuan dan gerak kerja kepimpinan dan anggota Umno kepada persiapan parti.

Beliau meminta anggota Umno tidak membicarakan dan menyatakan pandangan mengenai perkara itu secara terbuka di dalam mesyuarat bahagian yang berjalan sepanjang bulan ini.

Semalam, Umno bahagian Chenderoh, Perak menyatakan sokongan supaya Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi Timbalan Presiden Umno dan seterusnya dilantik Timbalan Perdana Menteri selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih jawatan Perdana Menteri Oktober ini.

Najib dalam satu kenyataan empat perenggan yang dikeluarkan di sini hari ini berkata beliau enggan membuat sebarang ulasan mengenai kenyataan Ketua Umno bahagian itu Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz semalam apabila ditanya wartawan kerana menghormati pandangan Umno bahagian.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telahpun menamakan penggantinya Abdullah dan beliau yakin semua pihak dalam Umno memberi sokongan yang penuh kepada peralihan itu..

-- BERNAMA

MAS MAS DC RON